



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	5/12/2019	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JPS / SPAN / PEJABAT DAERAH DAN TANAH			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

40 struktur atas rizab sungai diroboh

Sungai Buloh: Lebih 40 struktur yang dibina di atas tanah rizab sungai di Kampung Paya Jaras Hilir, di sini, dirobohkan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Petaling, semalam.

Operasi perobohan itu bermula jam 7.30 pagi hingga 12 tengah hari membabitkan lebih 50 pegawai dan anggota termasuk polis, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS).

Seorang penduduk Komari Islan, 55, berkata, dia mengambil inisiatif meroboh sendiri struktur rumahnya yang berada di atas tanah rizab sungai berkenaan secara berperingkat sejak minggu lalu.

“Sejak notis mengenai perobohan diterima pada November lalu, saya mengambil keputusan untuk merobohkan sendiri dua bilik tidur dan bilik air.

“Pihak berkuasa hanya merobohkan sebahagian kecil struktur saja kerana sudah melakukannya sejak minggu lalu,” katanya ketika ditemui di lokasi, di sini.

Komari berkata, dia tinggal bersama isteri dan lima anaknya di rumah berkenaan sejak 2008 selepas membeli tanah di lokasi itu daripada seorang penduduk tempatan.

“Saya membeli tanah ini pada harga RM10,000 dan membina rumah dengan kos. Malah, urusan jual beli tanah itu ada do-



PENDUDUK melihat struktur bangunan yang dirobohkan, semalam.

kumen jual beli yang masih disimpan sehingga kini.

“Bagaimanapun, saya reda dengan apa yang berlaku dan bercadang tinggal di rumah ini walaupun terpaksa tidur dalam longgokan barang kerana hanya ruang tamu, satu bilik dan ruang parkir yang masih ada,” katanya yang juga buruh binaan.

Penduduk lain Mahfuz Ariffin, 47, berkata, dia menerima notis berhubung perobohan itu pada November lalu.

“Sebaik menerima notis itu, saya memaklumkan kepada isteri dan dua anak supaya mengemas barang selain memindahkan barang ke bilik yang tidak dirobohkan.

“Namun, barang dalam rumah terlalu banyak menyebabkan sebahagian diletak di luar kerana ruang tamu, dua bilik tidur dan bilik air dirobohkan,” katanya.

Mahfuz berkata, dia bercadang tinggal di rumah itu yang dibeli pada harga RM15,000 pada 2004 walaupun ada satu bilik dan akan mengubah suai bilik tersebut.

“Saya tidak mampu menyewa rumah lain memandangkan gaji diperolehi kecil dan isteri pula tidak bekerja menyebabkan kami mengambil keputusan untuk tetap tinggal di sini.

“Malah, kami sekeluarga amat sayang rumah ini kerana ada banyak kenangan sepanjang kami tinggal di sini,” katanya.